

NO SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.07.2017

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat asing seratus peratus di pasaran saham Malaysia serta jumlah pegangan saham keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sembilan buah syarikat asing yang berdaftar di luar negara, yang mana saham mereka tersenarai dalam pasaran ekuiti Malaysia dan merangkumi 0.07 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pasaran saham.

Daripada jumlah tersebut, lapan daripadanya adalah syarikat asing yang tersenarai seratus peratus di pasaran saham Malaysia, seperti dalam jadual berikut :

| No | Nama Syarikat | Unit Saham (Juta) | Nilai Pasaran Saham (RM Juta) |
|----|--|-------------------|-------------------------------|
| 1 | Multi Sports Holdings Ltd | 606.8 | 21.2 |
| 2 | Xingquan International Sports Holdings Ltd | 485.2 | 26.7 |
| 3 | Xidelang Holdings Ltd | 673.9 | 175.2 |
| 4 | K-Star Sports Ltd | 293.0 | 24.9 |
| 5 | HB Global Ltd | 468.0 | 23.4 |
| 6 | China Ouhua Winery Holdings Ltd | 668.0 | 23.4 |
| 7 | China Stationery Ltd | 1,242.8 | 80.8 |
| 8 | China Automobile Parts Holdings Ltd | 1,362.0 | 13.6 |

Manakala, sebuah lagi syarikat asing iaitu Media Chinese International Ltd mempunyai saham tersenarai di pasaran saham Malaysia serta pasaran saham asing.

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK – BN]**

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO.24

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam memastikan bahawa sukan Badminton tidak akan ketandusan bakat besar seperti Datuk Lee Chong Wei memandangkan bahawa setakat ini tiada pemain badminton Malaysia yang mampu menandingi Datuk Lee Chong Wei.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan **Akademi Badminton Kebangsaan** di Bukit Kiara yang diuruskan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) bagi mengoptimumkan program latihan pusat yang tersusun kepada atlet-atlet pelapis negara. Ini secara tidak langsung akan memantapkan lagi struktur-struktur program sedia ada yang dikendalikan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN).
2. Selain itu juga, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) sentiasa bekerjasama dengan BAM dalam usaha memastikan pencapaian berterusan sukan badminton di peringkat antarabangsa dengan melaksanakan **program pembangunan akar umbi** sukan badminton secara konsisten di peringkat Pusat Latihan Daerah (PLD), Program Pelapis Negeri dan Program Pelapis Kebangsaan. Manakala program latihan atlet yang menumpukan kepada pencapaian di temasya sukan antarabangsa seperti temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik dilaksanakan melalui **Program Kita Juara** dan **Program Podium**.
3. Selain itu, barisan kejurulatihan yang berkualiti amatlah penting dalam usaha melahirkan lebih ramai pelapis badminton negara yang akan menjadi pengganti kepada atlet senior yang sedia ada. Justeru,

SULIT

pelantikan Datuk Misbun Sidek sebagai ketua jurulatih perseorangan lelaki negara merupakan perancangan jangka panjang dalam mengenalpasti atlet-atlet pelapis berpotensi selain peranan Pengarah Teknikal BAM Morten Frost Hansen dalam memantapkan peranan Jawatankuasa Kejurulatihan dan Latihan BAM.

Sekian, terima kasih.

Soalan (25)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****PERTANYAAN**

: LISAN

TARIKH: 27 JULAI 2017
[KHAMIS]**DARIPADA**: YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**SOALAN**

:-

YB Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi penyelesaian yang khusus bagi menangani isu kemiskinan bandar (urban poverty) secara holistik termasuk corak perbelanjaan isi rumah yang tipikal iaitu perbelanjaan untuk makanan, pengangkutan dan perumahan yang dilihat dua pertiga daripada pendapatan isi rumah.

Jawapan :-

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-11 tanggungjawab Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menangani isu kemiskinan bandar adalah melalui 3 program yang meliputi aspek makanan dan perumahan. 3 program tersebut adalah:

- a) Program Titipan Kasih (*Food Basket*);
- b) Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar; dan
- c) Program Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru).

Melalui program Titipan Kasih (*Food Basket*), setiap Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar menerima bantuan sebanyak RM80 sebulan selama 2 tahun untuk membeli keperluan makanan asas. Bantuan RM80 tersebut dikreditkan dalam myKad di mana pembelian boleh dilaksanakan di kedai-kedai terpilih seluruh Malaysia. Pada tahun 2017, sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi program ini dengan penglibatan seramai 1,818 orang KIR miskin tegar.

KPKT juga melaksanakan 2 program yang berkaitan dengan perumahan iaitu Baik Pulih Rumah Daif di Bandar dan juga Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru). Program Baik Pulih Rumah Daif di Bandar yang merupakan bantuan baik pulih rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah (B40) di bandar dengan kadar RM13,000 seunit di Semenanjung manakala RM15,000 seunit di Sabah / Sarawak.

Program Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru) pula merupakan pembinaan rumah baru bagi kumpulan B40 di bandar di mana rumah mereka telah musnah akibat kebakaran. Kadar bantuan ialah RM40,000 seunit di Semenanjung manakala RM50,000 seunit di Sabah / Sarawak. Pada tahun 2017, sejumlah RM20 juta (1520 unit rumah) diperuntukkan bagi Program Baik Pulih Rumah manakala RM1.75 juta (42 unit rumah) bagi Program Rumah Khidmat Bakti (Bina Baru).

Selain daripada itu, KPKT melaksanakan Program AZAM Bandar dan juga Kios Penjaja Bandar dalam usaha membantu kumpulan B40 di bandar bagi mengusahakan perniagaan sendiri seterusnya meningkatkan pendapatan untuk menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Bagi Program AZAM Bandar, sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan pada tahun 2017 di mana setiap individu menerima bantuan bernilai RM10,000 yang merangkumi kursus, alat kelengkapan

dan juga proses pemantauan mengikut jenis perniagaan yang dipilih. Bagi Program Kios Penjaja Bandar pula, sejumlah RM2juta diperuntukkan pada tahun 2017 di mana setiap individu menerima bantuan bernilai RM15,000 yang merangkumi kursus dan juga kios berserta alat kelengkapan mengikut jenis perniagaan yang dipilih.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017